

TUN DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU RAKYAT BERSYUKUR
UUM Online
15 April 2012

UUM ONLINE: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat negara ini supaya bersyukur dengan kemajuan institusi pendidikan yang dicapai negara hari ini.

Beliau berkata demikian di Majlis Sambutan Hari Pengasasan UUM Ke-28 di Universiti Utara Malaysia (UUM) di Dewan Mu'adzam Shah, UUM semalam.

Katanya, rakyat harus bersyukur kerana selepas kemerdekaan, kerajaan memberi perhatian serius terhadap pencapaian ilmu rakyat negara ini berbanding zaman penjajahan dahulu di mana tiada satu pun universiti yang ditubuhkan di Malaysia atau Singapura.

"Jika dahulu rakyat Malaysia hanya boleh menuntut ilmu sampai darjah sembilan di Sekolah Inggeris manakala darjah enam sahaja bagi Sekolah Melayu. Ini melayakkan mereka jadi kerani. Tak lebih dari itu. Jika ada yang bernasib baik dapat biasiswa belajar di universiti ke negara lain, bilangannya amat kecil," katanya.

Institusi pendidikan hari ini menyaksikan berpuluh ribu rakyat Malaysia boleh menuntut ilmu hingga ke peringkat universiti bahkan pasca siswazah.

Tambah Dr Mahathir, penguasaan ilmu perlu ditingkatkan bagi membuka peluang yang lebih luas dalam menuntut ilmu bagi meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini.

Beliau menjelaskan, kerajaan memperuntukkan lebih 25 peratus daripada belanjawan setiap tahun untuk tujuan pendidikan.

"Ini adalah satu pelaburan masa depan. Kerana kita yakin, pelajaran yang dimiliki rakyatlah yang boleh menyumbang kepada pembangunan.

"Sekarang kita dapat lihat pembangunan pesat Malaysia di merata-rata tempat. Ianya berubah kerana rakyat mempunyai ilmu yang boleh mengubah negara. Membangun dan mentadbir negara berubah dari zaman sebelum merdeka.

"Untuk itu kita harus bersyukur. Kemajuan negara ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun. Kita berjaya buktikan kepada penjajah bahawa kemerdekaan akan membawa kemajuan kepada kita, dan rakyat Negara ini juga sedar akan tanggungjawab mereka," katanya.

Dr Mahathir yang hadir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut memuji kepelbagaian bidang yang ditawarkan oleh universiti yang akan melengkapkan keupayaan pengurusan negara.

"Saya yakin pihak universiti ini dapat memberi segala ilmu berkaitan pengurusan yang dapat menjamin penuntut universiti ini mentadbir dan mengambil tanggungjawab dalam menyumbang kepada pembangunan negara kita.

"Pengurusan adalah bidang yang amat penting dan sebab itulah universiti ini ditubuh khusus untuk mengembangkan ilmu pengurusan," jelasnya.

Turut hadir pada majlis sambutan ini ialah Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir, Pro-Canselor UUM, Tun Datuk Sri Ahmad Fairuz Datuk Sheikh Abdul Halim, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UUM, Tan Sri Samsudin Osman, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

Copyright ©2009 Universiti Utara Malaysia

Source : <http://www.uum.org.my/index.php/en/component/content/article/19/271-tun-dr-mahathir-mohamad-menyeru-rakyat-bersyukur>